

25 AUG 1999

KDNK-PERTUMBUHAN

DR M: TIADA SEMAKAN DALAM RAMALAN PERTUMBUHAN 1.0 PER BAGI '99

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan menyepak ramalan pertumbuhan 1.0 peratusnya bagi tahun ini walaupun terdapat pertumbuhan suku kedua yang kukuh pada 4.1 peratus.

"Tidak, kita tidak boleh buat itu kerana kita belum tahu lagi angka-angka suku ketiga dan suku keempat KDNK," beliau memberitahu pemberita selepas perjumpaan dengan Presiden Indonesia B J Habibie di sini.

Diminta mengulas mengenai prestasi suku kedua yang teguh itu, kata beliau, "Ia adalah satu kegembiraan bagi kita."

Beliau juga berharap bahawa pertumbuhan positif di dalam ekonomi itu akan berterusan.

Ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Separuh tahun ini memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus berbanding dengan penguncupan 4.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Bagi keseluruhan tahun lalu, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 7.5 peratus. -- BERNAMA

RIZ SHY OS